

24/03/1997

Perak mahu manfaat mesyuarat IMT-GT

IPOH: Perak mahu memanfaatkan mesyuarat majlis perniagaan Kerjasama Tiga Hala Indonesia, Malaysia, Thailand (IMT-GT) keenam di sini, awal Oktober depan untuk memperkenalkan lagi produk serta kemampuan usahawan tempatan.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata serentak mesyuarat itu satu pameran dan pertunjukan perdagangan diadakan yang akan disertai oleh wakil setiap wilayah terbabit dalam IMT-GT.

Perak, katanya bangga menjadi tuan rumah mesyuarat itu dan akan memanfaatkannya dan pameran itu untuk menonjolkan produk serta kemampuan perdagangan tempatan, selain dijual kepada pengunjung.

"Setiap wilayah terbabit juga berpeluang berbuat demikian di samping menonjolkan usaha mereka dalam penggalakan perdagangan, industri, pelancongan, telekomunikasi, pengangkutan, kegiatan antara masyarakat dan mungkin juga sukan.

"Dalam semua perkara ini, kita dapati IMT-GT berjaya mencapai matlamatnya," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian Anugerah Khas Menteri Besar Perak 1996 di sini, semalam.

Ramli yang baru pulang dari mesyuarat peringkat menteri IMT-GT yang diadakan di Lhokseumawe, Aceh, Khamis lalu, berkata pemilihan Perak sebagai tuan rumah mesyuarat akan datang disambut baik untuk menonjolkan lagi kemampuan negeri ini dalam pelbagai bidang, terutama perdagangan.

Menurutnya, 15 wartawan dari setiap wilayah dijangka membuat liputan meluas mesyuarat itu, tetapi tarikhnya akan ditentukan oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri.

"Kita menyarankan pavilion dibina sama ada bagi setiap negara atau wilayah selain pertunjukan kebudayaan bagi memastikan mesyuarat serta pameran itu memanfaatkan semua pihak," katanya.

Perak juga, katanya, akan menjemput syarikat besar seperti Proton menyertai pameran perdagangan itu selain memperkenalkan produk dan teknologi syarikat tempatan, terutama cip elektronik.

Ramli berkata, setakat ini usaha sama perdagangan dalam lingkungan IMT-GT lebih banyak diusahakan sendiri oleh sektor swasta, manakala kerajaan membantu dengan mengatur pertemuan serta kemudahan perdagangan, prasarana dan memudahkan perjalanan antara negara.

"Manfaat IMT-GT pula dirasai oleh semua pihak serta menyeluruh dan bukannya terhad pada satu atau dua projek," katanya.

Kepada kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar negara luar yang ingin menerima cadangan projek pembangunan besar dari syarikat swasta Malaysia perlu memastikan kemampuan syarikat itu terlebih dulu, Ramli berkata, setakat ini syarikat Perak atau syarikat luar di sini tidak menimbulkan masalah selepas menandatangani perjanjian persefahaman (MoU).

(END)